



KETUA kampung, Hassan Abdul Rahman (kanan) dan penduduk Abdul Samad Ibrahim menunjukkan perangkap sampah yang tersumbat apabila hujan sehingga menyebabkan Kampung Pasir, Hulu Klang, Selangor dilanda banjir kilat pada Jumaat lalu.



ABDUL Samad Ibrahim menunjukkan tebing takungan air yang runtuh disebabkan air melimpah akibat ketiadaan sistem saliran yang sempurna dari sebuah kawasan projek perumahan ke Kampung Pasir.

Kampung Pasir mangsa projek perumahan tak sedia sistem saliran sempurna?

10 tahun dihantui banjir kilat

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**
kota@utusanangroup.com.my

KUALA LUMPUR 27 Ogos - Setiap kali hujan, hati mereka mula gelisah.


Mereka bimbang rumah yang terletak di kawasan rendah itu akan dilanda banjir. Dan, jika itu berlaku, maka mereka terpaksa mengambil masa beberapa hari untuk membersihkan rumah dan perabot seperti yang terpaksa mereka lakukan sejak lebih sepuluh tahun lalu.

Bencana banjir kilat yang melanda Kampung Pasir di Hulu Klang, dekat sini itu kali terakhir dialami penduduk pada Jumaat lepas, yang sekali gus merencatkan kemeriahan suasana menyambut Aidilfitri di penempatan itu.

Penduduk berkata, mereka terpaksa menanggung kerugian besar setiap kali banjir kilat berlaku kerana barangan mereka, terutama perabot dirosakkan air yang membawa lumpur.

Ketika wartawan *Utusan Malaysia* ke kampung itu hari ini, kesan banjir pada Jumaat lalu masih dapat dilihat. Di kebanyakan rumah, barangan seperti permaidani masih terjemur di luar untuk dikeringkan selepas dibasuh.

Mereka yang ditemui mendakwa, banjir yang kerap mereka hadapi disebabkan kampung itu tidak memiliki sistem perparitan dan sa-



PENDUDUK, Abdul Sahid Ibrahim menunjukkan kesan banjir Jumaat lalu di rumahnya di Kampung Pasir, Hulu Klang.

liran sempurna.

Akhir-akhir ini keadaan semakin teruk, kata mereka, yang mendak-

wa ia mungkin berpunca daripada aktiviti pembangunan perumahan di kawasan berhampiran di kedu-

dukan lebih tinggi daripada kampung mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* men-

dapati, terdapat sebuah kolam takungan yang mempunyai perangkap sampah dari kawasan perumahan berdekatan, tetapi penduduk mendakwa tidak membantu melancarkan aliran air apabila hujan lebat.

Penduduk memberitahu, jika hujan, perangkap tersebut akan dipenuhi sampah dan menghalang aliran air selain turut mengakibatkan tebing kolam takungan air itu runtuh.

Parit itu terletak di kawasan lebih tinggi daripada kampung itu menyebabkan air dari tebing yang runtuh itu terus menderu ke Kampung Pasir di bawahnya.

Penduduk juga berkata, banjir juga berlaku disebabkan oleh pembinaan sebuah kondominium yang terbengkalai sejak sepuluh tahun lalu tidak menyediakan sistem perparitan yang sempurna.

Mereka mendakwa, projek pembangunan kondominium berkenaan tidak mengikut spesifikasi asas yang ditetapkan menyebabkan masalah banjir kilat bertambah buruk.

Kondominium setinggi 12 tingkat tersebut juga dakwa mereka telah diambil alih oleh beberapa pemaju akibat daripada masalah dalaman projek berkenaan.

Tetapi yang terpaksa menanggung akibat daripada projek terbengkalai tersebut adalah penduduk Kampung Pasir terutamanya yang tinggal di sepanjang Jalan Hj. Mokhtar.

Waris mangsa kemalangan maut dicari

KLANG 27 Ogos - Polis sedang mencari waris kepada dua mangsa yang maut dalam kemalangan berasingan di kawasan Klang Utara di sini, masing-masing pada pagi ini dan 17 Ogos lalu.

Kemalangan yang berlaku pagi ini melibatkan seorang wanita keturunan India yang sedang melintas jalan di Kilometer 15.8, Lebuhraya Selat Klang Utara dari arah Meru menghala ke Klang, berhadapan dengan Flat Mawar.

Mangsa yang berusia 50 tahun dan berbadan kurus dipercayai dirempuh oleh sebuah motosikal kira-kira pukul 6.50 pagi dan maut akibat cedera parah.

Mayat mangsa telah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan identitinya masih belum diketahui.

Kemalangan maut yang berlaku pada 17 Ogos lalu pula melibatkan seorang lelaki Nepal berusia 27 tahun yang identitinya sehingga kini masih belum diketahui.

Kemalangan berlaku pada pukul 8.10 pagi di Kilometer 0.4, Lebuhraya